

# PM: Pastikan projek dilaksanakan berjalan lancar

UM - 13/7/2004 : 2

Oleh ASUKI ABAS

**P**UTRAJAYA 12 Julai — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, agensi-agensi kerajaan terutama unit penyelaras seperti Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) perlu memastikan semua projek yang dijadualkan semula dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) tidak tergendala.

Perdana Menteri berkata, kelancaran semua projek berkenaan dan juga projek-projek lain mengikut masa yang ditetapkan adalah penting kerana ia mempunyai implikasi kepada pertumbuhan ekonomi negara.

“Kita tidak mahu dengar cerita-cerita ada projek terbengkalai atau tidak dapat berjalan (jadi) kita di Jabatan Perdana Menteri (JPM) termasuk EPU dan ICU perlu pastikan pelaksanaan projek-projek itu berjalan baik.

“Sebagai agensi pusat, kita ada kepentingan jadi kenalah ada keinginan untuk melihat semua projek berjalan lancar,” katanya.


Beliau berkata demikian ketika berucap pada perhimpunan bulanan kakitangan JPM di Bangunan Perdana Putra, di sini hari ini.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman, Penasihat Agama Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman serta tiga menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Datuk Dr. Maximus Ongkili, Tan Sri Nazri Aziz dan Datuk Dr. Abdullah Mohd. Zain.

Rabu lalu, Abdullah yang juga Menteri Kewangan mengumumkan pelaksanaan projek bernilai RM8.5 bilion di seluruh negara termasuk RM1.5 bilion bagi Fasa Kedua Lebu Raya Pantai Timur selepas kajian semula dibuat terhadap pelaksanaan projek-projek di bawah RMK-8 mengikut keutamaan.

Selain itu, sebanyak RM2 bilion diperuntukkan kepada projek sederhana melibatkan pembinaan jalan dan sekolah dan RM5 bilion bagi 50 projek berkeutamaan tinggi yang telah memperoleh komitmen kerajaan.

Menurut Perdana Menteri, agensi penyelaras yang ada di JPM perlu menunjukkan contoh yang baik kepada semua agensi lain memandangkan mereka memainkan



**ABDULLAH AHMAD BADAWI** menyampaikan ucapan ketika menghadiri perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, semalam. Turut kelihatan (dari kanan), Samsudin Osman, Abdul Hamid Othman, Dr. Maximus Ongkili, Nazri Aziz, Najib Tun Razak dan Dr. Abdullah Mohd. Zain.

peranan utama dalam pelaksanaan projek-projek kerajaan.

“Kita harus diteladani oleh agensi lain dari segi produktiviti, disiplin dan juga kreativiti,” katanya.

Abdullah berkata, pelaksanaan projek yang dijadualkan semula itu turut membuktikan tanggapan bahawa kerajaan sudah ketiadaan dana untuk melaksanakan projek-projek pembangunan adalah salah.

“Kita ambil masa sedikit untuk menyusun semula projek mengikut keutamaan, jadi sebab itulah tidak ada apa-apa berlaku buat sementara sehingga ada pihak yang tidak menunjukkan keyakinan.

“Alhamdulillah dengan muafakat bersama menteri dan agensi terlibat, semua pihak bersetuju dengan penjadualan semula itu, jadi sekarang ini kita hanya berharap semua pegawai dan kakitangan kerajaan dapat memastikan ia dilaksanakan dengan baik,” kata beliau.

Menurut Perdana Menteri, beliau berharap ekonomi pada suku tahun kedua 2004 akan mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi daripada tujuh peratus bagi mengekalkan momentum pertumbuhan 7.6 peratus pada suku tahun pertama.

“Suku tahun pertama dulu mencatatkan pertumbuhan baik yang melebihi tujuh peratus jadi kita harap suku kedua tidak kurang dari tujuh peratus lah,” katanya.